



## TERMA DAN SYARAT

### PERTANDINGAN VIDEO AGROBANK

#### A. Maklumat Pertandingan

1. Pertandingan Video Agrobank ini adalah anjuran Jabatan Komunikasi Strategik, Agrobank.
2. Tempoh pertandingan ini adalah selama 28 hari bermula dari **20 Ogos 2021 sehingga 16 September 2021**. Penghantaran video hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada **jam 3.00 petang, 16 September 2021**.
3. Tema pertandingan adalah **APA KHABAR MALAYSIA? Ceritakan Kepada Kami**.
  - a) Pilihan elemen yang boleh digunakan di dalam video:
    - Budaya Malaysia yang unik
    - Makanan tradisional Malaysia
    - Aktiviti pertanian
    - Pengalaman semasa menghadapi pandemik
    - Semangat rakyat Malaysia untuk melawan keadaan semasa
  - b) Genre video pertandingan: **Dokumentari**.

#### B. Kelayakan Pertandingan

Pertandingan ini terbuka kepada semua **warganegara Malaysia yang berumur 20 tahun sehingga 40 tahun**.

#### C. Terma dan Syarat Pertandingan

1. Penyertaan adalah **percuma**.
2. Penyertaan adalah secara **individu atau berkumpulan**. Bagi penyertaan berkumpulan, setiap kumpulan hendaklah **tidak lebih dari tiga (3) orang (termasuk ketua kumpulan)**.
3. Peserta boleh menghantar **dua (2) video yang berlainan**. Walau bagaimanapun, setiap peserta sama ada secara individu dan berkumpulan **hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja**.

4. Peserta hendaklah mengisi dengan lengkap e-borang penyertaan. E-borang penyertaan boleh di dapati di laman web Agrobank ([www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)).
5. Setiap pelakon di dalam pertandingan video ini perlulah berpakaian yang **mematuhi syariah** seperti menutup aurat bagi wanita Islam, tiada penampilan yang menjolok mata dari pelakon yang beragama Islam dan bukan beragama Islam, lelaki mahupun wanita dan lain-lain yang berkaitan.
6. Kos penyediaan video adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
7. Durasi setiap video hendaklah tidak melebihi **tiga (3) minit**. Tempoh ini hendaklah termasuk montaj dan kredit.
8. Penggunaan bahasa di dalam video: Boleh menggunakan Bahasa Malaysia dan/atau Bahasa Inggeris.
9. Hasil karya hendaklah sesuai untuk diterbitkan dan dipapar dalam segala bentuk media video. Format yang dibenarkan adalah MP4.
10. Resolusi minimum video yang diterima adalah Video HD 720p (1280 x 720 pixel resolution).
11. Peserta perlu memuat naik video yang ingin dipertandingkan di platform Google Drive atau WeTransfer. Kongsikan pautan video (link video) tersebut ke alamat e-mel [scd@agrobank.com.my](mailto:scd@agrobank.com.my) dan juga di dalam e-borang yang dihantar bagi tujuan penyertaan sepertimana dinyatakan di perenggan 4 di atas .
12. Peserta dikehendaki untuk menyediakan sinopsis/ringkasan isi kandungan video, yang mana hendaklah dihantar kepada Agrobank bersama-sama video tersebut. Sila gunakan jenis tulisan (font) Arial, saiz tulisan 11 dan 'single spacing'.
13. Sila pastikan semua muzik yang digunakan berstatus bebas royalti. Agrobank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta.
14. Karya yang dihasilkan adalah manifestasi kreativiti peserta, mengandungi nilai-nilai murni dan **TIDAK BOLEH** mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan dan tidak menghina mana-mana pemimpin dan individu.
15. Setiap penyertaan mestilah merupakan kerja asal/asli dan tidak melanggar mana-mana hak cipta orang lain.

16. Semua penyertaan **TIDAK BOLEH** dimuat naik ke mana-mana portal dalam tempoh pertandingan sebelum mendapat kebenaran Agrobank.
17. Setiap hasil karya juga mestilah **TIDAK PERNAH** diguna pakai untuk menyertai mana-mana pertandingan video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
18. Semua peserta dinasihati untuk mematuhi prosedur standard operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa terutama jika melibatkan penggambaran di luar.

#### **D. Tuntutan Hak Cipta**

Dengan menyertai pertandingan ini, peserta dengan ini bersetuju bahawa sekiranya peserta terpilih sebagai pemenang, peserta/pemenang membenarkan:

1. Agrobank menggunakan video tersebut bagi tujuan promosi di dalam mana-mana saluran Agrobank sama ada sebelum, semasa dan selepas Pertandingan; dan
2. Suntingan dibuat oleh Agrobank terhadap video penyertaan bagi tujuan pendidikan, penyiaran dan promosi.

#### **E. Hadiah dan Keputusan Pertandingan**

1. Tawaran hadiah utama adalah seperti berikut:

**Hadiah Tempat Pertama : RM5,000.00**  
**Hadiah Tempat Kedua : RM4,000.00**  
**Hadiah Tempat Ketiga : RM3,000.00**  
**Hadiah Tempat Empat : RM2,000.00**  
**Hadiah Tempat Kelima : RM1,000.00**

2. Tawaran hadiah saguhati adalah seperti berikut:

**10 hadiah saguhati** disediakan dengan nilai **RM500.00** untuk seorang pemenang.

3. Setiap karya akan dinilai keaslian, isi kandungan, konsep dan kreativiti serta kualiti produksinya oleh panel juri yang dilantik oleh Agrobank.
4. Peserta yang terpilih sebagai pemenang akan dihubungi oleh Agrobank melalui telefon dan/atau e-mel dan nama pemenang turut akan diumumkan di laman web Agrobank ([www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)) serta platform media sosial Agrobank.

5. Keputusan panel juri adalah muktamad. Sebarang pertikaian, rayuan dan bantahan berhubung keputusan tersebut tidak akan dilayan atau dipertimbangkan.
6. Jumlah wang dimenangi akan **dikredit ke akaun Agrobank** pemenang. Sekiranya pemenang **bukan pemegang akaun Agrobank**, pemenang **perlu membuka akaun** di mana-mana cawangan Agrobank yang berdekatan. Bagi pemenang secara berkumpulan, wang yang dimenangi akan dikreditkan ke akaun Agrobank ketua kumpulan.

#### F. Lain-lain

1. Dengan menyertai pertandingan ini, para peserta bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam ini dan segala keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank berkaitan dengan pertandingan ini.
2. Agrobank berhak menolak dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di sini, penyertaan yang tidak lengkap dan/atau penyertaan yang tiba lewat dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan.
3. Agrobank berhak untuk meminda, mengubah dan/atau memansuhkan terma dan syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini, pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlak. Apa-apa perubahan pada pertandingan ini boleh dimaklumkan kepada peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh Agrobank, tidak terhad kepada pemberitahuan di laman web Agrobank ([www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)) atau platform media sosial Agrobank.
4. Peserta hendaklah menanggung rugi pihak Agrobank sekiranya terdapat apa-apa tindakan, tuntutan, prosiding, kerugian, kos (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh), caj dan/atau perbelanjaan yang mungkin dibuat oleh pihak ketiga terhadap Agrobank berhubung tuntutan hak cipta atau lain-lain perkara berkaitan dengan video penyertaan yang diterima oleh Agrobank daripada peserta (sekiranya berkenaan).
5. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Agrobank, termasuklah untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama, nombor pengenalan diri/pasport dan imej atau lain-lain butiran ("Data Peribadi") (jika perlu), bagi menjayakan pertandingan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada untuk mengumumkan dan memaparkan Data Peribadi peserta di laman web Agrobank bagi tujuan pemasaran atau publisiti (sekiranya berkaitan). Peserta tidak berhak menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran tersebut. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis PDPA Agrobank yang dipaparkan di laman web

Agrobank ([www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)). Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi berhubung pertandingan ini hendaklah ditadbir berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang Malaysia yang berkaitan.

Nota: Peserta/pemenang adalah dinasihati untuk mengambil langkah berjaga-jaga apabila menerima sebarang permintaan bagi Data Peribadi dan boleh menghubungi Agrobank bagi tujuan verifikasi berkenaan pertandingan ini.

6. Pertandingan serta terma dan syarat ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan oleh undang-undang Malaysia serta di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
7. Merujuk kepada situasi semasa negara dan Agrobank masih mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan iaitu melaksanakan cara bekerja dari rumah, maka sebarang pertanyaan dan soalan boleh dikemukakan terus ke e-mel [scd@agrobank.com.my](mailto:scd@agrobank.com.my).

<Tamat>